UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

AGW514 - EKONOMI PENGURUSAN/*AGW514 - MANAGERIAL ECONOMICS*

Jam: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

*Please make sure that this examination paper consists of EIGHT printed pages before you begin.*

*Answer FIVE questions only.*

1, (a) Terangkan perbezaan di antara prinsip pulangan sut berkurangan dan konsep pulangan berkurang ikut skel.

*Explain the difference between the principle of diminishing marginal returns and the concept of decreasing returns to scale.*

[4 markah/*4 points*]

(b) Dengan menggunakan graf, terangkan bagaimana keluk kos sut jangka panjang dan jangka pendek bagi sesuatu firma boleh didapati bila dua input, L dan K, digunakan untuk mengeluarkan output (Q).

*With the aid of a graph, explain how to derive both a firm's short-run and long-run marginal cost curves when the firm uses two inputs, L and K, to produce output (Q).*

[6 markah/*6 points*]

...2/-

(c) Jadual berikut memberikan bilangan output yang boleh dikeluarkan oleh sesuatu firma dengan jumlah modal dan buruh yang berlainan:

| K (unit) | Output (unit) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | 122 | 174 | 213 | 244 | 274 | 300 |
| 5 | 112 | 158 | 194 | 224 | 250 | 274 |
| 4 | 100 | 142 | 173 | 200 | 224 | 244 |
| 3 | 87 | 122 | 150 | 173 | 194 | 213 |
| 2 | 71 | 100 | 122 | 142 | 158 | 174 |
| 1 | 50 | 71 | 82 | 100 | 112 | 122 |
| 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 L (unit) |

(i) Apakah pulangan ikut skel bagi firma ini dalam julat modal dan buruh yang ditunjuk di dalam jadual di atas? Mengapa?

(ii) Hitungkan keluaran sut modal dan keluaran purata modal bagi L = 3 unit bila K berubah dari 1 unit ke 6 unit.

(iii) Hitungkan keluaran sut buruh dan keluaran purata buruh bagi K = 1 unit bila L berubah dari 1 unit ke 6 unit.

(iv) Andaikan firma tersebut sedang mengeluarkan 87 unit output dengan menggunakan 1 unit modal dan 3 unit buruh. Kos seunit buruh ialah $10, dan kos seunit modal ialah $20. Adakah firma ini menggunakan kombinasi input kos terkecil? Terangkan.

*The following table gives the quantities of output that can be produced with different amounts of capital and labour utilised by a firm:*

| *Units of K* | | | *Units of output* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *6* | *122* | *174* | *213* | *244* | *274* | *300* | |
| *5* | *112* | *158* | *194* | *224* | *250* | *274* | |
| *4* | *100* | *142* | *173* | *200* | *224* | *244* | |
| *3* | *87* | *122* | *150* | *173* | *194* | *213* | |
| *2* | *71* | *100* | *122* | *142* | *158* | *174* | |
| *1* | *50* | *71* | *82* | *100* | *112* | *122* | |
| *0* | *1* | *2* | *3* | *4* | *5* | *6* | *Units of L* |

(i) *What are the returns to scale for this firm over the range of capital and labour shown in the table? Why?*

(ii) *Compute the marginal product and average product of capital for L = 3 units as K varies from 1 unit to 6 units.*

(iii) *Compute the marginal product and average product of labour for K = 1 unit as L varies from 1 unit to 6 units.*

(iv) *Suppose the firm is producing 87 units of output using 1 unit of capital and 3 units of labor. The cost of a unit of capital is $20. Is the firm using a least cost combination of inputs? Explain.*

[10 markah/*10 points*]

2. (a) Anggaran keanjalan pendapatan bagi minuman ringan adalah 1.00. Bagaimana seorang eksekutif firma pembotolan boleh menggunakan maklumat ini untuk meramal jualan?

...4/-

*The income elasticity for soft drinks is estimated to be 1.00. How could an executive of a bottling firm use this information to forecast sales?*

[4 markah/*4 points*]

(b) Mengapa permintaan bagi petrol lebih tak anjal dalam jangka pendek daripada jangka panjang?

*Why would the demand for petrol be more inelastic in the short run than in the long run?*

[4 markah/*4 points*]

(c) Syarikat Nibok menganggarkan bahawa keanjalan harga permintaan bagi keluaran tunggalnya adalah -1.40 bagi potongan harga sebanyak $10. Pada masa ini Nibok sedang menjual 20,000 unit setiap minggu pada harga $90 seunit. Andaikan syarikat tersebut mengurangkan harga keluaran ini ke $80 seunit

(i) Apakah kuantiti jualan baru bagi setiap minggu?

(ii) Hitungkan perubahan dalam jumlah hasil setiap minggu bagi Nibok selepas potongan harga tersebut.

*Nibok Company estimates that the price elasticity of demand for its sole product is -1.40 for a price cut of $10. Currently Nibok is selling 20,000 units per week at a price of $90. Assume the Company reduces its price to $80 per unit.*

*(i) What will be the new sales quantity per week?*

*(ii) Calculate the change in total revenue per week for Nibok after the price cut.*

[5 markah/*5 points*]

...5/-

(d) Terangkan bagaimana sebuah hotel peranginan di Batu Ferringhi boleh menganggarkan permintaan bagi bilik-biliknya? Terangkan (dengan sebabnya) pembolehubah -pembolehubah yang akan anda timbangkan, serta sebarang maklumat lain tentang cara ujikaji ini akan dijalankan.

*Explain how a resort hotel in Batu Ferringhi can estimate the demand for its rooms? Describe the variables that you would consider and the reason why, as well as any other relevant information as to how you would conduct the experiment.*

[7 markah/*7 points*]

3. (a) Apakah itu keluk permintaan terpatah? Dengan menggunakan graf, tunjukkan mengapa biasanya harga keluaran industri beroligopoli masih stabil bila keadaan kos dan permintaan berubah?

*What is a kinked demand curve? Show with the help of graphs, why prices in an oligopolistic industry often remain stable when cost and demand conditions change?*

[5 markah/*5 points*]

(b) Bagaimana satu kartel patut membahagikan output di antara ahli-ahlinya untuk memaksimumkan keuntungan kartel?

*How should a cartel allocate output among its members to maximise its profit?*

[3 markah/*3 points*]

(c) Adakah anda berpendapat bahawa OPEC adalah sesuatu kartel yang berkesan? Terangkan.

*Do you think OPEC is an effective cartel? Explain.*

[4 markah/*4 points*]

(d) Apakah monopoli semulajadi?

*What is a natural monopoly?*

[2 markah/*2 points*]

...6/-

(e) Terdapat beberapa firma (seperti TNB, STM dan Pos Malaysia) di Malaysia, yang mempunyai ciri-ciri monopoli semulajadi. Bagi mana-mana <u>SATU</u> firma tersebut, terangkan segmen perniagaan yang mana adalah monopoli semulajadi dan yang mana tidak. Beri sebab-sebab yang menyokong jawapan anda.

*Malaysia has a number of companies (e.g. TNB, STM and Pos Malaysia) that have business segements which have the features of a natural monopoly. For any <u>ONE</u> of these firms, explain which business segment(s) are natural monopolies and which are not. Give reasons that support your answer.*

[6 markah/*6 points*]

4. (a) Terangkan dengan penggunaan contoh-contoh yang sesuai apa ertinya pengganda?

*Explain with suitable examples what is meant by the multiplier?*

[4 markah]*4 points*]

(b) Dengan menggunakan rajah-rajah, terangkan apa akan berlaku di dalam sebuah ekonomi tertutup apabila pihak berkuasa mengikut:

(i) dasar fiskal dan kewangan penguncupan;

(ii) dasar kewangan penguncupan dengan dasar fiskal pengembangan.

*With the help of diagrams, explain what happens to a closed economy when the authorities pursue:*

*(i) contractionery monetary and fiscal policies;*

*(ii) contractionery monetary policy with an expansionery fiscal policy.*

[6 markah/*6 points*]

(c) Adakah pengangguran dan inflasi berkaitan? Terangkan.

*Are unemployment and inflation related? Explain.*

[4 markah/*4 points*]

...7/-

(d) Pada pendapat anda, apakah punca-punca peningkatan kadar inflasi di Malaysia dalam 12 bulan yang lalu?

*In your opinion, what are the causes for the increase in inflation rate in Malaysia during the past 12 months?*

[6 markah/*6 points*]

5. (a) Terangkan prinsip faedah berbanding.

*Explain the principle of comparative advantage.*

[3 markah/*3 points*]

(b) Nilaikan hujah-hujah yang menyokong perlindungan perdagangan.

*Evaluate the common arguments in favour of trade protection.*

[6 markah/*6 points*]

(c) Baru-baru ini ramai pengilang telah mengadu tentang kenaikan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat. Bincangkan kebaikan dan keburukan dasar ringgit "murah" bagi ekonomi Malaysia.

*Recently many manufacturers have been complaining about the strengthening of the ringgit against the U.S. dollar. Discuss the advantages and disadvantages of a "cheap" ringgit policy for the Malaysian economy.*

[6 markah/*6 points*]

(d) Terangkan mengapa Malaysia telah menghadapi defisit imbangan pembayaran di dalam akaun semasa sepanjang dekad lalu? Adakah keadaan ini akan berubah dalam dekad ini?

*Explain why Malaysia has been having balance of payments deficit in its current account in the last decade? Do you think this situation will change during this decade?*

[5 markah/*5 points*]

...8/-

6. Malaysia sedang menghadapi kekurangan tenaga buruh. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan telah membenarkan penggunaan buruh asing di dalam beberapa industri tertentu.

*Malaysia is currently facing a labour shortage. To overcome this problem, the government has allowed foreign labour to be used in certain industries.*

(a) Bincangkan kebaikan dan keburukan penggunaan buruh asing kepada ekonomi Malaysia.

*Discuss the advantages and disadvantages to the Malaysian economy of allowing foreign labour.*

[10 markah/*10 pointe*]

(b) Kenalpasti dan nilaikan pilihan-pilihan lain yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi kekurangan tenaga buruh.

*Identify and evaluate other choices that are available to the government to overcome the labour shortage?*

[10 markah/*10 points*]

---oooOOOooo---